

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pendekatan-pendekatan baru yang akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) untuk mengelakkan banjir besar yang baru-baru melanda banyak negeri di Semenanjung Malaysia tidak akan berulang lagi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Jabatan-jabatan di bawahnya sentiasa memainkan peranan masing-masing dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Peranan yang dimainkan ini turut menyumbang dalam menangani masalah banjir di Malaysia.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah mengamalkan pengurusan banjir secara holistik dan bersepadu dengan mengguna pakai kedua-dua kaedah struktur dan bukan struktur dalam mengurangkan risiko banjir dan kesan negatif banjir di seluruh negara. Kaedah struktur memberi penumpuan kepada kerja-kerja kejuruteraan seperti pembinaan empangan, kolam takungan, benteng sungai, lencongan sungai, mendalam dan melebarkan sungai dan menyediakan sistem pam. Manakala, kaedah bukan struktur pula merupakan langkah-langkah pengurusan dan kesedaran awam seperti pengurusan bersepadu untuk sumber air, lembangan sungai dan pantai, mempertingkatkan sistem ramalan dan amaran banjir, penyediaan peta banjir serta garis panduan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah memberi penekanan kepada keperluan penyediaan *Erosion and Sedimentation Control Plan* (ESCP) di peringkat perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan sebagai langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan kawalan pencemaran sungai-

sungai. ESCP ini perlu disediakan di peringkat pelaksanaan kerja-kerja tanah bagi mengelakkan berlakunya hakisan dan kelodakan tanah bagi projek-projek pembangunan yang tertakluk kepada Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Di samping itu, JAS juga melaksanakan perwakilan kuasa kepada agensi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa)(Penyiasatan Kawalan Hakisan dan Kelodakan) 2012 dan program pemantauan kerja-kerja tanah melalui udara. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan memantapkan lagi aktiviti penguatkuasaan serta memastikan pemantauan kawalan kerja tanah projek-projek EIA dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan berkesan.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) pula telah mengambil langkah dengan mengelaskan Hutan Simpanan Kekal (HSK) kepada 2 fungsi utama iaitu Hutan Pengeluaran dan Hutan Perlindungan. Pengusahasilan hanya melibatkan Hutan Pengeluaran dan pemantauan terhadap keluasan pengusahasilan hutan dijalankan melalui penetapan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditetapkan setiap 5 tahun. Selain itu, kawalan dan pemantauan juga dibuat melalui prosedur yang ditetapkan dalam Sistem Pengurusan Memilih. Selain itu sistem pengurusan hutan sekarang turut disijilkan melalui skim pensijilan pengurusan hutan secara berkekalan di bawah skim Malaysia Criteria and Indicator (MC&I) dan juga sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2008. Sehingga kini semua Jabatan Perhutanan di Negeri-Negeri masih mengekalkan status kedua-dua sijil tersebut.

Sekian, terima kasih.